



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9 BILANGAN 1.

RABU 1 JANUARI, 1964.

1383 رابو 16 شعبان

PERCHUMA

## D. Y. M. M. BERDO'A SA-MOGA

### Tahun 1964 Ini Akan Memberi Keamanan Dan Kesejahteraan Kapada Semua Orang Di-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada penduduk2 di-Negeri Brunei dan Baginda menyampaikan amanat Baginda bahawa hasrat Baginda serta Kerajaan Baginda ada-lah sentiasa berchita2 untok memberi perkhidmatan dan pimpinan bagi kebajikan seluruh ra'ayat sekalian agar terchapai-lah satu jalan yang aman damai bagi menempoh gerbang chita2 kita yang sedang kita hadapi pada masa ini.

Baginda juga menyampaikan ucapan Selamat Tahun Baharu kepada semua anggota2 Pasokan Keselamatan yang sedang berkhidmat di-Negeri Brunei.

Dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bagi menyambut lahirnya Tahun Baharu 1964, Baginda bertitah bahawa Baginda menyedari ia-itu anggota2 Pasokan2 Keselamatan dalam keadaan meriah menyambut tahun yang baharu ini, terpaksa berchurai dengan keluarga mereka sendiri dan pada hari yang sejahtera ini, Baginda dengan sukachita menyampaikan ucapan Selamat Tahun Baharu kepada mereka.

Duli Yang Maha Mulia mengucapkan terima kasih kepada mereka terhadap perkhidmatan mereka di-negeri ini dan berdo'a sa-moga Tahun 1964 ini akan memberi keamanan dan kesejahteraan seterusnya kepada semua orang di-Negeri Brunei ini.

Mudah2an, dengan kuasa Allah Subhanahu Wata'ala, kita berjaya mendirikan sa-buah negara yang mewah dan ma'amor serta chintakan keamanan, titah Baginda.

Dalam titah tersebut Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bertitah bahawa "Ada-lah menjadi kelaziman kepada Beta memberi ucapan Selamat Tahun Baharu kepada tuan2 sekalian dan Beta juga berdo'a mudah2an dalam tahun ini dan sa-panjang-nya yang akan datang, negara kita Brunei ini akan di-rahmati Allah dan tuan2 sekalian menikmati kebahagiaan serta keamanan bagi seluruh ra'ayat dalam-nya. Pada tiap2 tahun Beta, dalam menyambut awal tahun sebagai sempena yang sa-rupa ini, sa-moga dengan izin Allah, Kerajaan Beta akan dapat menumpukan tenaga demi kepentingan dan kebajikan ra'ayat Beta supaya segala rahmat serta taufik dan hidayat di-chuorkan oleh Tuhan sekalian alam ka-

pada kita sekalian akan berkekalan dan subur dengan sehat-nya.

"Alhamdulillah, beberapa kejayaan dan kemajuan telah pun kita chapai dan telah kita perbuat dalam tahun yang baharu lepas ini.



D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN

"Semua-nya kejayaan dan kemewahan yang kita telah nikmati itu adalah menunjukkan satu bayangan bukti yang nyata dari sebab bahawasanya ra'ayat Beta sekalian, dalam menchapai maksud kemajuan dan kema'amoran serta keamanan dalam negeri ini, menyedari sa-benar2-nya bahawa ra'ayat Beta kenal akan kewajipan masing2. Ini Beta perchaya ada-lah semata2 dengan izin dan petunjuk serta dorongan Allah kapada kita sekalian."

### Pesuruhjaya Tinggi Inggeris Mengucapkan Selamat Tahun Baharu

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Inche E.O. Laird mengucapkan Selamat Tahun Baharu dan berdo'a sa-moga tahun yang baharu ini akan mendatangkan kebahagiaan kapada para pembacha sekalian.

Dalam ucapan tahun baharu-nya, Yang Terutama Inche Laird berkata b a h a w a sebagaimana yang para pembacha ketahui, beliau dan isteri-nya baharu sahaja tiba di-Negeri Brunei dan segala2-nya yang ada di-dalam negeri "yang indah permai ini" ada-lah

baharu belaka bagi beliau berdua.

Oleh yang demikian, kata-nya, tidak-lah dapat beliau berkata apa2 mengenai pengalaman2 yang di-alami di-tahun yang lampau.

"Akan tetapi di-akhir tahun lama dan menjelang tahun yang baharu, kita sekalian memikirkan pula masa hadapan dan saya berserta dengan isteri saya telah datang ka-Brunei di-saat yang penting, ia-itu di-masa Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda dan juga semua ra'ayat Brunei sedang menimbangkan untong nasib mereka di-masa hadapan dan kedudukan Brunei di-dalam dunia yang moden ini.

"Saya sesungguh-nya berasa bangga kerana telah di-pilih untok berkhidmat di-Brunei sebagai Pesuruhjaya Tinggi Kerajaan Baginda Queen di-ketika yang penting ini," kata Yang Terutama Inche Laird.



Y.T.U. INCHE E.O. LAIRD



Y.T.M. PENGIRAN ANAK PUTERI AMAL UMI KALTHUM AL-ISLAM



Y.T.M. PENGIRAN ANAK PUTERI AMAL RAKIAH

### Istiadat Bertindek Dan Berkhatan Puteri2 Di-Raja

BANDAR BRUNEI. — Beribu2 orang dari berbagai2 bangsa telah membanjiri kawasan Istana Darul Hana di-Bukit Temasek pada tiap2 malam semenjak malam 25 Disember, 1963 untok menyaksikan achara2 yang telah di-adakan bagi merayakan sambutan Istiadat Bertindek dan Berkhatan dua orang Puteri2 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

Puteri2 Di-Raja yang rupawan itu ia-lah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Umi (Lihat Muka 5)

**Ahli Majlis Mashuarat  
Negeri Brunei**



Y.B. AWANG NOORDIN

Yang Berhormat Awang Noordin bin Abdul Latiff, Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei telah mengangkat sumpah sa-bagai sa-orang Ahli Rasmi Majlis Mashuarat Negeri Brunei pada 16 Disember, 1963.

**PEMBUKAAN RASMI KELAS  
DEWASA UGAMA  
KAMPONG SEBAKIT**

TANJONG MAYA.—Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan sentiasa memberi kemudahan2 kepada semua penduduk2 di-Negeri Brunei, termasuk-lah pelajaran Ugama kepada orang2 dewasa di-bawah anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei semenjak bulan Januari tahun 1963. Demikian kata Pegawai Daerah Tutong Awang Abdul Ghani bin Hassan.

Awang Abdul Ghani telah melafadzkan ucapan tersebut di-majlis pembukaan rasmi Kelas Dewasa Ugama, Kampong Sebakit, Tanjong Maya, Tutong pada 6 Disember.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Awang Abdul Ghani telah mengucapkan sa-tinggi2 terima kasih kepada Jawatan Kuasa Kampong Sebakit, Tanjong Maya yang telah berjaya

mengadakan majlis tersebut.

Awang Abdul Ghani telah berseru kepada penduduk2 Kampong Sebakit itu khas-nya dan umat Islam di-Negeri Brunei 'am-nya supaya mengambil peluang yang berguna dengan menghadiri tiap2 kali di-adakan pelajaran Ugama.

"Peluang ini ada-lah satu jalan bagi kita untuk mendapatkan pelajaran2 Ugama Islam yang suci itu dengan tidak di-kenakan apa2 bayaran kepada tuan2 dengan satu sen pun.

"Dengan mengetahui pelajaran2 Ugama sahaja-lah hidup kita tidak akan tersirit ka-jalan yang tidak di-ingini oleh Ugama dan tidak di-ingini oleh Undang2 Negeri kita dan dengan-nya-lah juga bererti tuan2 akan dapat menyumbangkan bakti terhadap negeri tuan2 ini", kata-nya lagi.

Kemudian Awang Abdul Ghani pun merasmikan pembukaan Kelas Dewasa Ugama Di-Kampong Sebakit dengan berkata, "Saya buka-lah dengan rasmi-nya Kelas Pelajaran Ugama bagi orang2 Dewasa ini dengan mendahulukan nama Allah yang amat pengaseh lagi penyang."

Sa-lepas selesai upacara tersebut ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Setiausaha Majlis tersebut, Awang Abdul Lahai bin Lakim; Pengurusi Kelas Dewasa Ugama, Daerah Tutong, Awang Mahali Haji Abdullah dan lain2-nya.

Yang Mulia Bendahari Haji Abdul Ghafar bin Sidik, Penghulu Kampong Tanjong Maya, Tutong telah memimpin majlis tersebut.

**Pesurohjaya Pengakap  
Daerah Brunei**



AWANG ALI KHAN

Awang Ali Khan bin Abdul Khan telah menerima Surat Tauliah Pesurohjaya Pengakap Daerah Brunei dari bekas Pesurohjaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Dato Seri Utama MacKintosh dalam satu majlis Perjumpaan Pengakap2 di-Bandar Brunei pada 6 Disember, 1963.

**Bangunan Baharu Sekolah  
Saint Andrews**

BANDAR BRUNEI. — Satu istiadat meletakkan batu asas bangunan baharu Sekolah Misi Saint Andrews telah di-langsungkan di-Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 28 Disember.

Batu asas itu telah di-letakkan oleh Padri Canon Paul Chong En Siong, Pengasas dan bekas Guru Besar, Sekolah Misi Saint Andrews.

Di-antara orang2 yang hadir di-majlis tersebut ia-lah Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Dato Raja Azam bin Raja Kamarulzaman; Pemangku Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Yang Berhormat Awang Noordin bin Abdul Latiff, Pengurus Jawatan Kuasa Derma Bangunan Sekolah Misi Saint Andrews, Yang Berhormat Inche R.D. Ross serta ibu bapa dan warith murid2 sekolah itu, dan murid2 sekolah tersebut dari berbagai2 bangsa.

Pembinaan bangunan baharu Sekolah Misi tersebut di-taksirkan memakan perbelanjaan kira2 empat ratus ribu ringgit.

Sekolah itu akan mempunyai empat tingkat dan akan megandongi 12 bilek2 darjah. Pembinaan-nya di-jangka akan siap pada penghujung tahun ini.

Menurut keterangan Pengurus Jawatan Kuasa Derma Bangunan tersebut, Yang Berhormat Inche R. D. Ross wang untok pembinaan Sekolah itu telah di-dapati dari yuran, jualan barang2 murah yang telah di-adakan di-temasha2 Pasar Gem-bira dan derma daripada orang2 ramai semenjak tujuh tahun yang lalu.

Jawatan Kuasa Derma Bangunan Sekolah Misi Saint Andrews mengucapkan berbilang2 terima kasih kepada orang2 ramai yang telah bermurah hati menghadihkan wang untok menjayakan pembinaan bangunan baharu Sekolah tersebut.

**Berchuti  
Di-Tanah  
Ayer**

BERAKAS. — Sa-ramai 10 orang Penuntut2 Brunei yang melanjutkan pelajaran di-Kolej Islam di-Klang, Selangor telah kembali ka-Brunei dengan kapal terbang pada 17 Desember untok menyempurnakan kelapasan di-Tanah Ayer.

Penuntut2 itu ia-lah Yahya bin Ibrahim, Ibrahim bin Haji Ismail, Abdul Saman bin Kahar, Abu Bakar bin Tengah, Suhaimi bin Mohiddin, Badaruddin bin Haji Othman, Abdul Aziz bin Junied, Ahmad Murad bin Syed Mashor, M. Amin bin A. Rahim dan M. Sardon bin Awang Othman.

Ramai keluarga dan saha bat handai penuntut2 itu telah menyambut kedatangan mereka di-Lapangan Terbang Brunei pada petang hari tersebut.

**WAKTU2 SEMBAHYANG  
DAN AMSAK**

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 1 Januari hingga hari Selasa 14 Januari, 1964 ada-lah sa-perti di-bawah ini:—

H. Bulan	Amsak	Suboh	Dzohor	'Asar	Maghrib	Isha
1.	4.53	5.08	12.32	3.51	6.24	7.37
2.	4.54	5.09	12.32	3.51	6.24	7.37
3.	4.55	5.10	12.33	3.52	6.24	7.37
4.	4.55	5.10	12.33	3.52	6.25	7.38
5.	4.55	5.10	12.33	3.52	6.55	7.38
6.	4.56	5.11	12.34	3.53	6.26	7.39
7.	4.56	5.11	12.34	3.53	6.26	7.39
8.	4.57	5.12	12.35	3.54	6.27	7.40
9.	4.57	5.12	12.35	3.54	6.27	7.40
10.	4.57	5.12	12.36	3.55	6.28	7.41
11.	4.57	5.12	12.36	3.55	6.28	7.41
12.	4.58	5.13	12.37	3.56	6.29	7.42
13.	4.59	5.14	12.37	3.56	6.29	7.42
14.	4.59	5.14	12.38	3.57	6.50	7.43

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.



Guru2 Melayu di-Bandar Brunei telah mengadakan satu majlis di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, baharu2 ini untok mera'ikan Inche Mohamed Noor bin Ahmad (tengah) bekas Yang Dipertua Agong Kesatuan Persekutuan Guru2 Melayu Semenanjung yang telah melawat ka-Brunei dari Pulau Pinang bersama2 dengan isteri-nya Chegu Aishah.

# D. Y. M. M. MENGURNIAKAN PINGAT2 KEHORMATAN KAPADA RA'AYAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI.—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah mengurniakan Pingat2 Kehormatan kepada empat orang ra'ayat Brunei, ia-itu saperti di-bawah ini:

## D. Y. M. M. MENGURNIAKAN PINGAT2 KEHORMATAN KAPADA RA'AYAT MALAYSIA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah mengurniakan Pingat2 Kehormatan kepada tujuh orang ra'ayat Malaysia yang berkhidmat di-Negeri Brunei.

Dua orang daripada beliau2 tersebut telah menerima gelaran Dato.

Demikian menurut satu Pengumuman Istana yang di-terbitkan pada hari Sabtu 28 Disember, 1963.

Ra'ayat Malaysia tersebut yang telah di-kurniakan gelaran Dato oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ia-lah Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman, Setia Usaha Kerajaan, Brunei dan Doktor Abdul Wahab bin Mohamed Ariff, bekas Pegawai Perubatan Negara, Brunei.

Beliau2 telah di-kurniakan dengan Darjah Ke-dua, Darjah Mahkota Brunei.

Yang Mulia Sahibul Fadhilah Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Brunei telah di-kurniakan dengan Darjah Ketiga, Seri Mahkota Brunei.

Inche Wong Siew Kuang telah di-kurniakan dengan Pingat Omar Ali Saifuddin, Darjah Pertama.

Tiga orang lagi, ia-itu Tuan Haji Ibrahim bin Othman, Inche Tan Chew Boon dan Puan Au Ah Chee telah di-kurniakan dengan Pingat Omar Ali Saifuddin, Darjah Kedua.

## Balek Berchuti Di-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Enam orang Pegawai2 Kerajaan Brunei yang telah berangkat ka-Australia dalam tahun 1961 untuk menuntut Ilmu Jurukira di-Maktab Teknikal Brisbane, Queensland atas dermasiswa Kerajaan Brunei telah kembali ka-Brunei baharu2 ini untuk berchuti selama enam minggu.

Mereka ia-lah Inche Ahmad Sa'ad, Inche Elias bin Patrick Jupp, Inche Mohamed Ali bin Bakar, Inche Zakaria bin Jeneh, Inche Chong Kow Tze dan Inche John Puk Min San.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed bin Pengiran Piut, Penguasa Pengawalan Talikom, Brunei telah di-kurniakan dengan Darjah Kedua, Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia rengkasnya D.S.N.B.

Yang Mulia Awang Mohamed Taib bin Awang Besar, Pegawai Perjawatan Negara, Brunei di-kurniakan dengan Darjah Ketiga Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia rengkasnya S.N.B.

Yang Mulia Awang Isa bin Haji Ibrahim dari Pejabat Peguam Negara Brunei di-kurniakan dengan Darjah Ke-tiga Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia, rengkasnya S.N.B.

Yang Mulia Orang Kaya Dato Setia Di-Raja Mohamed Daud bin Dagang di-kurniakan dengan Darjah Ke-empat, Darjah Pahlawan Negara Brunei rengkasnya P.J.B.

Demikian menurut satu Pengumuman Istana yang di-terbitkan pada 21 Disember, 1963.

## Ka-Kuala Lumpur

BERAKAS. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada 24 Disember untuk berchuti rehat.

Beliau telah di-temani oleh Datin Zubaidah.

## HARI2 KELEPASAN AWAM DI-NEGERI BRUNEI TAHUN 1964

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah mengishtiharkan hari2 yang berikut sebagai Hari2 Kelepasan Awam di-Negeri Brunei bagi Tahun 1964:

- Hari Tahun Baharu — Hari Rabu 1 Januari.
- \* Hari Pertama Bulan Puasa — Hari Rabu 15 Januari.
- Hari Raya China — Hari Kamis 13 Februari.
- \* Hari Raya Puasa dan hari berikut-nya — Hari Sabtu 15 Februari dan Hari Isnin 17 Februari (sebagai ganti Hari Juma'at 14 Februari dan Hari Ahad 16 Februari).
- \* Hari Raya Haji dan hari berikut-nya — Hari Rabu 22 April dan Hari Kamis 23 April.
- \* Hari Tahun Baharu Islam (1 Muharam) — Hari Selasa 12 Mei.
- Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II — Hari Sabtu 13 Jun.
- \* Maulud — Hari Selasa 21 Julai.
- Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin — Hari Rabu 23 September.
- Hari Perlembagaan — Hari Selasa 29 September.
- \* Me'raj — Hari Selasa 1 Disember.
- Hari Krismas dan hari berikut-nya — Hari Sabtu 26 Disember dan Hari Isnin 28 Disember (sebagai ganti Hari Juma'at 25 Disember dan Hari Ahad 27 Disember).

CHATETAN : \* Terta'alok kepada perubahan.



Pasokan Pengakap Daerah Brunei telah berjaya memenangi Perisai MacKintosh di-temasha Perkhemahan Pengakap2 di-Gadong baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un sedang menyampaikan Perisai MacKintosh itu kepada Pesuruhjaya Pengakap Daerah Brunei, Awang Ali Khan bin Abdul Khan.

## Menghadhiri Kursus Jurulateh Pengakap2

BERAKAS. — Kursus Jurulateh Pengakap2 akan di-adakan di-Negeri Brunei sa-baik sahaja perkakas2 mengajar di-perolehi. Demikian kata Guru Pengakap Yahya bin Yusof dari Pasokan Pengakap Asrama Maktab S.O.A.S., Bandar Brunei setelah beliau kembali ka-Brunei dari Kuala Lumpur pada 17 Disember bersama2 dengan Guru Pengakap Abdul Jalil bin Abdul Rahman dari Pasokan Pengakap Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

## SELAMAT TINGGAL BRUNEI

SERIA. — Pasokan Tentera Green Jackets telah mengucapkan "Selamat Tinggal" kepada Negeri Brunei baharu2 ini setelah berkhidmat di-negeri ini selama beberapa bulan lama-nya.

Pasokan Tentera itu telah digantikan oleh Pasokan Tentera, King's Own Yorkshire Light Infantry (KOYLI).

Guru2 Pengakap tersebut telah menghadhiri Kursus Jurulateh Pengakap2 dari beberapa buah negara yang telah di-adakan di-Kuala Lumpur sa-lama lima hari.

Guru Pengakap Yahya berkata bahawa di-antara para peserta yang menghadhiri kursus tersebut, termasuk-lah tujuh orang Pandu Puteri dari Malaya, Thailand dan Hong Kong.

Beliau menegaskan bahawa di-antara tujuan2 mengadakan kursus tersebut ia-lah untuk meninggikan taraf Pergerakan Pengakap yang kini sedang meningkat maju di-Dunia ini.

Kursus tersebut telah meliputi beberapa chara melateh pengakap2 menurut bentuk baru dan dengan mempunyai pengalaman2 sa-masa menghadhiri kursus itu, kata lagi Guru Pengakap Yahya, maka dapat-lah Guru2 Pengakap yang menghadhiri kursus tersebut memberikan latehan2 yang berfaedah kepada pengakap2 di-negeri masing2 kelak.

## Jambatan2 Baharu

TUTONG. — Sa-banyak 68 buah jambatan di-Daerah Tutong telah di-bena dalam tahun 1963 di-bawah Rancangan Kemajuan Luar Bandar. Demikian menurut keterangan sa-orang Juruchakap Pejabat Daerah Tutong.


Kerja2 pembenaan jambatan2 tersebut telah di-mulai sejak awal tahun 1963.

Beberapa buah lagi jambatan akan di-bena di-Daerah Tutong pada tahun ini, kata-nya lagi.

# Perjanjian Melombong Minyak Petroleum Antara Kerajaan Brunei Dengan Sharikat Minyak Shell

Satu upacara menanda tangani Perjanjian Melombong Minyak Petroleum di-antara Kerajaan Brunei dengan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria telah di-adakan di-Bandar Brunei pada pagi hari Isnin 23 Disember, 1963. Tiga Perjanjian, telah di-tanda tangani di-majlis tersebut, ia-itu Perjanjian2 mengenai (a) Tanah2 Kerajaan Di-Darat (b) Tanah2 Kerajaan Di-Laut dan (c) Perjanjian Tambahan, Perjanjian2 itu telah di-tanda tangani oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un bagi pehak Kera-

jaan Brunei manakala Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Jurutulis Majlis Mashuarat Kerajaan telah menanda tangani Perjanjian2 itu bagi pehak Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dalam Majlis Inche George Williams, Pengarah Urusan, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad Seria dan Lord Esson, sa-orang Pengarah Sharikat Minyak Shell itu telah menanda tangani bagi pehak Sharikat Minyak tersebut Gambar2 ini telah di-ambil di-majlis itu.



Ini-lah satu pemandangan jalan raya baharu yang sedang di-bena di-Jalan Lumapas, Daerah Brunei.

# ISTIADAT BERTINDEK DAN BERKHATAN

(Dari Muka 1)

Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Rakhiah.

Tembakan meriam sa-banyak 17 das telah di-lepaskan di-kawasan Istana Darul Hana pada pukul 2.30 petang hari Rabu 25 Disember sebagai tanda permulaan upacara2 menyambut Istiadat Berkhatan dan Bertindek Puteri2 Di-Raja tersebut.

Gendang Jaga2 Di-Raja juga telah di-buka mulai dari hari tersebut.

Upacara2 itu akan di-teruskan hingga ka-hari Juma'at 3 Januari, 1964.

Gendang Jaga2 Di-Raja akan di-tutup pada hari tersebut dengan tembakan meriam sa-banyak 17 das.

Di-bawah ini di-siarkan rancangan penoh sambutan tersebut mulai dari hari Rabu 1 Januari hingga ka-hari Juma'at 3 Januari:

## HARI RABU

1 JANUARI, 1964

7 malam — Pegawai2 ternama dan ahli2 jemputan hadir di-Balai Pemajangan Indera Kenchana.

7.15 malam — Perjamuan Santap Bersarapan di-edarkan.

8.15 malam — Pembesar2 Negara, Pegawai2 Ternama dan para jemputan masuk ka-dalam Balai Singgahsana.

8.30 malam — Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri ka-Balai Singgahsana.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Rakhiah ka-Balai Singgahsana di-bawa oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafiah, Dayang Amadah, Pehin Menteri Bini, Pehin Jawatan Bini dan 14 orang Pehawai Di-Raja yang membawa alat2 kebesaran yang mengandongi:

Dua Puan Perak, 2 Tarian, 2 Kabok, 2 Panastan, 2 Pesigupan, 2 Kipas, 2 Chupu dan 2 Kaskal serta 2 Kamol.

Alat2 kebesaran itu akan di-bawa oleh Isteri2 Menteri2 serta di-ikuti oleh 40 orang Pegawai membawa Sinipit dan 32 orang Pegawai membawa Pedang dan Tombak dengan di-dahului oleh Juru Bini yang berseru2 mengatatakan keberangkatan Puteri2 Di-Raja.

Kemudian ISTIADAT BERKHATAN akan di-jalankan, di-dahului oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.

Pada sa'at tersebut meriam akan di-tembakkan sebanyak 17 das di-turuti oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei Isteri Yang Terutama Pesurohjaya

## PUTERI2 DI-RAJA

Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei, Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara, Isteri Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Isteri Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Safar dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis.

Sa-lepas itu Do'a Selamat akan di-bachakan oleh Mufti Brunei, Yang Mulia Sahibul Fadhilah Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Bunga telur pula di-edarkan dan di-ikuti dengan bacha'an zikir dan di-ikuti dengan ratib saman.

## HARI KHAMIS

2 JANUARI, 1964

Istiadat Bertindek, Mengurniakan Tauliah Chiri dan Bintang2 Kebesaran Negara Brunei.

1.30 petang — Pembesar2 Negara dan ahli2 jemputan hadir di-Balai Singgahsana.

2 petang — Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan

dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri ka-Balai Singgahsana.

Istiadat Mengurniakan Chiri kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar Brunei, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.

Istiadat Pengurniaan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2.

4 petang — Pembesar2 Negara dan ahli2 jemputan hadir di-Balai Singgahsana.

4.10 petang — Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri ka-Balai Singgahsana.

4.15 petang — Keberangkatan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Putri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Rakhiah ka-Balai Singgahsana di-bawa oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar dan di-iringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Rafiah, Dayang Amadah, Pehin Menteri Bini, Pehin Jawatan Bini dan 14 orang Pehawai Di-Raja yang membawa alat2 kebesaran yang mengandongi 2 Puan Perak, 2 Tarian, 2 Kabok, 2 Panastan, 2 Pesigupan, 2 Kipas, 2 Chupu dan 2 Kaskol

## Y. A. B. MENTERI BESAR BRUNEI MENGUCHAPKAN SELAMAT TAHUN BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un berkata dalam ucapan beliau menyambut lahir-nya tahun ini bahawa beliau mengiringi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan menguchapkan "Selamat Tahun Baharu" kepada sekalian ra'ayat di-Brunei.

Selanjut-nya Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal berkata bahawa tahun yang lepas ini ada-lah satu tahun kemajuan yang sederhana, sekali pun benchana dari penderhakaan bulan Disember 1962 yang lalu.

Dalam tahun lepas, Kerajaan menumpukan tenaga-nya kepada tugas pemulehan yang lebeh mustahak bukan sahaja keatas orang2 tahanan yang telah tertipu mengambil bahagian dalam penderhakaan itu, tetapi juga kepada pemulehan negara yang telah menderita akibat penderhakaan.

"Tugas ini hampir2 telah selesai. Orang2 tahanan itu sedikit demi sedikit telah di-bebasakan untok menghadapi kehidupan biasa dalam masyarakat. Saya menguchapkan terima kasih kepada pegawai2 Kerajaan yang telah membantu memulehkan mereka itu supaya menjadi ra'ayat setia dan berguna semula.

"Sebagai Ketua Pentadbiran dan bagi pehak Pegawai2 Kerajaan, saya sekali lagi menguchapkan Selamat Tahun Baharu," kata Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal.

"Tuan2 sekalian tentu-lah telah



Y.A.B. DATO SERI PADUKA MARSAL

sedar akan kejujoran dan kebolehan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia berikhtiar untok memberi kemudahan2 yang mendatangkan munafa'at kepada raayat dan saya mengambil kesempatan di-sini menyeru kepada tuan2 sekalian supaya terus bekerja untok kemajuan negeri.

Beliau telah menguchapkan terima kasih kepada pegawai2 Kerajaan yang telah memberi bantuan dan kerjasama mereka dalam menjalankan pentadbiran negeri dengan lichin-nya dalam tahun yang lalu.

serta 2 Kamol yang di-bawa oleh Isteri2 Menteri2 dan di-ikuti oleh 40 orang Pegawai membawa Sinipit dan 32 orang Pegawai membawa Pedang dan Tombak dengan di-dahului oleh Juru Bini yang berseru2 mengatatakan keberangkatan Puteri2 Di-Raja.

4.20 petang — ISTIADAT BERTINDEK di-jalankan dengan di-dahului oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan (di-sa'at ini meriam di-tembakkan 17 das), kemudian di-turuti oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei, Isteri Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Isteri Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Isteri Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Isteri Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, Isteri Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Safar dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis.

Do'a Selamat akan di-bachakan oleh Yang Mulia Mufti Brunei Sahibul Fadhilah Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz. Di-turuti dengan jamuan ringan.

Kemudian Perarakan Yang Teramat Mulia Puteri2 Di-Raja akan berarak mengelilingi Bandar Brunei.

Susunan kereta2 perarakan tersebut ada-lah saperti di-bawah ini:

Kereta A.D.C. (Pehin Orang Kaya Sanggamara Setia Di-Raja). Kenaiakan Yang Teramat Mulia Puteri2 Di-Raja. Pembawa Perhiasan Yang Teramat Mulia Puteri2 Di-Raja. Perhiasan Tunngal dan Perhiasan 16. Panglima Asgar dan Panglima Raja. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri. Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Bolkiyah, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Safar, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera, Yang Berhormat2 Ahli2 Majlis Meshuarat Di-Raja, Kerajaan dan Negeri, Ketua2 Pejabat dan kereta2 ahli2 jemputan.

7.30 malam — Santapan Di-Raja di-Balai Pemajangan Indera Kenchana.

8.30 malam — Peraduan Membacha Al-Koran di-Balai Singgahsana. HARI JUMA'AT 3 JANUARI, 1964

3.30 petang — Istiadat membacha Do'a Selamat di-Istana Darul Hana dan istiadat menutup Gendang Jaga2 Di-Raja di-ikuti dengan tembakan meriam 17 das.

# Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1964

**BANDAR BRUNEI.** — Penyanyi2 lelaki dan perempuan diseluruh Negeri Brunei ada-lah di-jemput untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1964.

Pertandingan Menyanyi tersebut Peringkat Daerah akan di-mulai tidak berapa lama lagi.

Penyanyi2 yang berjaya dalam Pertandingan Menyanyi Peringkat Daerah akan di-pilih mewakili daerah masing2 dalam Pertandingan Akhir Bintang Radio Brunei yang akan di-adakan di-Bandar Brunei dalam

## Dewan Baharu Sekolah Misi

**SERIA.** — Bishop J. Vos, sa-orang Padri dari Kuching telah membuka dengan rasmi-nya Dewan Baharu Sekolah Misi Saint Michael, Seria pada petang 15 Disember, 1963.

Menurut keterangan Padri Barry, Pengetua, Sekolah Misi Saint Michael perbelanjaan membena dewan sekolah tersebut ialah sa-banyak tujuh puluh lima ribu ringgit.

Wang itu, kata-nya, telah di-dermakan oleh orang2 ramai semajak sembilan tahun dahulu.

Sa-lain dari itu, kata Padri Barry, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad Seria telah mendermakan wang sa-banyak tujuh ribu ringgit untuk tabung derma pembenaan dewan sekolah tersebut.

## "SANG RANGKAK TIBA LAGI DI-SERIA"

**SERIA.** — "Sang Rangkak" (buaya) telah sekali lagi kelihatan di-Sungai Seria ia-itu tidak jauh dari kawasan perumahan Sharikat Minyak Shell baharu2 ini.

Oleh itu ada-lah di-minta kepada ibu bapa serta warith kanak2 supaya jangan-lah mereka membenarkan anak2 mereka bermain berdekatan dengan Sungai Seria itu.

minggu pertama Hari Raya Aidil Fitri.

Penyanyi2 lelaki yang hendak mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut hendaklah berumur 16 tahun ka-atas.

Penyanyi2 wanita yang hendak bertanding dalam pertandingan itu hendaklah berumur tidak kurang dari 13 tahun.

Lagu2 yang akan di-pertandingkan dalam pertandingan tersebut ada-lah saperti di-bawah ini:

### BAHAGIAN LELAKI

Lagu Asli: (a) Hati Sedih (b) Chahaya tak bersinar lagi.

Langgam: (a) Kau ku rindu (b) Hanchor sudah Istana Chinta.

### BAHAGIAN WANITA

Lagu Asli: (a) Siti Payong (b) Sa'at demi sa'at.

Langgam (a) Tinggal-lah kasih ku (b) Jeritan batin ku.

Perubahan2 telah pun di-buat pada tahun ini untuk memilih:

(1) Johan lelaki dan perempuan Bahagian Langgam.

(2) Johan lelaki dan perempuan Bahagian Asli.

(3) Penyanyi yang terbaik sekali.

Tiap2 peserta yang ingin merebutkan gelaran penyanyi yang terbaik sekali mesti-lah menyanyikan Lagu Asli dan Langgam.

Penyanyi2 di-tiap2 daerah yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut di-minta mendaftarkan nama mereka kepada:

Daerah Brunei dan Muara-Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Bandar Brunei.

Daerah Seria dan Belait — Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Kuala Belait.

Daerah Tutong — Inche Noordin bin Ahmad di-Pusat Pemancharan Radio Brunei Tutong.

Daerah Temburong — Awang Jumat di-Bilek Bachaan, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Bangar.

Penerimaan pendaftaran penyanyi2 di-tiap2 daerah tersebut akan di-tutup pada pukul 4 petang 11 Januari, 1964.

# MELAWAT BRUNEI

**BERAKAS.** — Inche U Tha Dok dari Bahagian Pembenaan Jalan Raya, Surohanjaya Per-ekonomian untuk Asia dan Timor Jauh, Pertubohan Bangsa2 Bersatu dan Inche John C. Piperog-lou, sa-orang pakar pembenaan jalan raya dari Athens, Greece telah melawat ka-Brunei dari Bangkok baharu2 ini untuk mena-sehatkan Kerajaan Brunei berkenaan dengan projek pembenaan jalan raya di-bawah Rancangan Kemajuan Lima Tahun Negeri Brunei.

Mereka telah di-temui di-Lapangan Terbang Brunei oleh Pesuruhjaya Kemajuan Negara, Brunei, Yang Berhormat Inche Sa'ad bin Marzuki dan Penasehat Undang2 Pertubohan Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei, Doktor J.S. Gould.



**BERAKAS.** — Inche A.G. Paul, sa-orang Pegawai Pertubohan Bangsa2 Bersatu yang berkhidmat dengan Pejabat Luar Asia P.B.B. di-Colombo, Ceylon telah melawat ka-Negeri Brunei sadikit hari dahulu, dalam bidang lawatan-nya ka-negeri2 di-kawasan Malaysia, Brunei, Thailand dan Philipina.

Tujuan lawatan Inche Paul ka-Negeri Brunei ia-lah untuk mengadakan perbincangan dengan Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei berkenaan dengan perkara2 yang bersangkutan paut dengan rancangan kerjasama bahagian teknikal Pertubohan Bangsa2 Bersatu.



**SERIA.** — Inche V.V. Nevrekar sa-orang Pegawai Akhbar yang berkhidmat di-Pejabat Pesuruhjaya India di-Kuala Lumpur telah melawat ka-Negeri Brunei baharu2 ini.

## "CHINCHIN BELAH ROTAN"



Ini-lah satu pemandangan lakonan "Chinchin Belah Rotan" yang telah di-persembahkan oleh penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di-temasha Malam Seni Budaya yang telah di-adakan di-dewan Maktab S.O.A.S. dalam bulan Disember



Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah Brunei Inche Shahbuddin bin Saleh telah merasmikan pembukaan Pasokan Pengakap Sekolah Melayu Kati Mahar baharu2 ini. Gambar ini di-ambil di-majlis tersebut.



Enam orang Pengakap2 Kanan dari Seria telah mengembara ka-Bangkok, Thailand dengan menaiki basikal baharu2 ini. Lima daripada enam orang Pengakap2 tersebut kelihatan dalam gambar ini tidak beberapa lama sa-belum mereka pergi ka-Bangkok.



Sekolah Melayu Sungai Kebun telah mengadakan satu temasha Perlumbaan Berjalan Kaki di-Jalan Lumapas — Sungai Kebun pada 8 Disember, 1963. Keputusan2 perlumbaan berjalan kaki itu telah di-siarkan dalam PELITA BRUNEI pada 18 Disember, 1963. Gambar ini di-ambil pada masa peserta2 Perengkat 'D' mulai "berjalan" dari Jalan Lumapas ka-Sekolah Melayu Sungai Kebun.

## Perlawanan Akhir Ping Pong S. M. MUHAMMAD ALAM JADI JOHAN

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Akhir Ping Pong antara murid2 Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei telah di-adakan di-bangunan sementara Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei pada petang 16 Disember, 1963.

Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria telah menjadi johan, manakala Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei telah menjadi naib johan perlawanan tersebut.

Keputusan2 perlawanan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Perlawanan permulaan (a): Sekolah Melayu Muhammad Alam, johan Daerah Belait telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, johan

Daerah Temburong dengan 3 perlawanan tidak berbalas.

Perlawanan permulaan (b): Sekolah Melayu Muda Hashim, johan Daerah Tutong telah mengalahkan Sekolah Melayu Sengkuring, johan Bahagian Brunei Dua dengan 2 perlawanan berbalas 1.

Perlawanan sa-paroh akhir: Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul, Alam, Bandar Brunei, johan Bahagian Brunei Satu telah mengalahkan Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong dengan 3 perlawanan tidak berbalas.

Perlawanan akhir: Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei dengan 2 perlawanan berbalas 1.

Sa-baik sahaja tamat perlawanan tersebut, Awang Ali Khan bin Abdul Khan, Pengelola Perkhidmatan Pos Brunei telah menyampaikan Perisai Ali Khan bin Abdul Khan kepada johan Perlawanan Ping Pong antara murid2 Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei Tahun 1963—Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.



Chegu Aishah binti Ariffin, Guru Besar sa-buah Sekolah Melayu di-Pulau inang kelihatan dalam gambar ini sedang menyampaikan hadiah kepada sa-orang peserta yang berjaya dalam Perlumbaan Berjalan Kaki anjoran Sekolah Melayu Sungai Kebun baharu2 ini.

## Perlawanan Tinju Anjoran Kelab2 Belia

SERIA. — Satu temasha perlawanan tinju di-bawah anjoran Kelab2 Belia Seria dan Kuala Belait akan di-adakan di-Seria pada awal bulan March akan datang.

Menurut keterangan Pengelola Ranchangan Belia Daerah Belait, Inche Harun Kamar bin Endut, perlawanan itu ada-lah terbuka kepada ahli2 tinju yang tinggal di-seluruh Negeri Brunei.

Ahli2 tinju yang tinggal di-Sabah dan Sarawak juga akan di-jemput oleh Penaja perlawanan tinju itu untuk mengambil bahagian di-temasha tersebut.

Satu Jawatan Kuasa untuk membuat persediaan bagi mengadakan perlawanan tinju itu telah pun di-bentuk baharu2 ini dengan di-ketuai oleh Inche P. Carrington dari Persharikatan World Wide Helicopters sebagai Pengurus dan Inche J. Allan dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria sebagai Setia Usaha perlawanan tersebut.



Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait telah mengalahkan Sekolah Melayu Sengkuring dalam pertandingan akhir bola jaring antara murid2 perempuan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei pada 6 Disember, 1963. Dalam gambar ini kelihatan pemain2 Pasokan S.M.A.T. dan beberapa orang yang lain sa-lepas Pasokan S.M.A.T. berjaya menyandang gelaran kejohanan pertandingan tersebut. — Gambar Chegu Abdul Hamid.

## Bulu Tangkis:

JOHAN — S. M. AHMAD TAJUDDIN  
NAIB JOHAN — S. M. SENKURONG

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait telah mengalahkan Sekolah Melayu Sengkuring dengan 3 perlawanan tidak berbalas dalam Pertandingan Akhir Bulu Tangkis antara murid2 Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei.

Pertandingan itu telah di-langsungkan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada petang 17 Disember yang lalu.

Terlebih dahulu Sekolah Melayu Sengkuring, johan Bahagian Brunei Dua telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, johan Daerah Tembu-

rong dengan 2 perlawanan berbalas 1.

Dalam satu lagi pertandingan permulaan, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei, johan Bahagian Brunei Satu telah mengalahkan Sekolah Melayu Muda Hashim, johan Daerah Tutong dengan

tiga perlawanan tidak berbalas.

Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin pula telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam dengan tiga perlawanan tidak berbalas dalam perlawanan sa-paroh akhir.

Pemangku Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Yang Berhormat Awang Noordin bin Abdul Latiff telah menyampaikan hadiah2 kepada Pasokan2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut.



Wazir2, Chateria2 dan Menteri2 telah mengadakan satu perjumpaan di-Balai Pamajangan, Indera Kenchana, Istana Darul Hana pada 14 Disember, 1963. Gambar ini telah di-ambil sa-lepas di-adakan perjumpaan tersebut. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kelihatan duduk di-tengah dalam gambar ini.

## Berita2 Akhbar2 Malaysia Mengenai Kedudukan Pegawai2 Pinjaman Malaysia Di-Brunei Tidak-Lah Benar

BANDAR BRUNEI. — Satu berita yang tersiar di-muka hadapan surat2 khabar yang di-terbitkan di-Malaysia baharu2 ini mengenai kedudukan Pegawai2 Pinjaman dari Malaysia yang sedang berkhidmat di-Brunei, sangat2-lah mengelirukan dan bertentangan dengan keadaan2 yang sa-benar-nya.

Berita2 itu sangat-lah mendukakhitakan dan tidak dapat diterima sama sekali, kerana berita2 itu ada-lah bertentangan dengan keadaan yang sa-benar-nya mengenai perhubungan Pegawai2 tersebut dengan ra'ayat dan Kerajaan Negeri Brunei.

Tuduhan itu yang menyatakan bahawa Pegawai2 Pinjaman dari Malaysia telah di-anggap oleh orang2 Brunei sebagai "penjajah berkulit hitam" dan mereka telah di-beri layanan yang tidak sawajar-nya oleh Kerajaan Brunei ada-lah tuduhan dan anggapan yang tidak berasas sama sekali.

Apa yang sa-benar-nya terdapat kepada Pegawai2 yang tersebut itu, ia-lah mereka di-beri layanan dan kemudahan2 yang sesuai dengan kedudukan dan taraf Pegawai2 tersebut dalam pentadbiran Kerajaan Brunei.


Kerajaan Brunei tidak ada memberi sedikit perbezaan sakali pun antara Pegawai2 Pinjaman Malaysia dengan Pegawai2 Pinjaman yang di-datangkan dari

negeri2 yang lain yang mempunyai sama taraf dengan mereka.

Segala tuduhan2 itu, ada-lah tidak benar dan tidak berasas. Kerajaan Brunei sedia mengalu2-kan chadangan daripada Wakil Persatuan Islam Sa-M a l a y a (PAS) dalam Parlimen supaya Kerajaan Malaysia menghantar Wakil-nya untuk menyiasat mengenai hal ehwal Pegawai2 Malaysia yang di-perbantukan datang ka-Brunei.

Perdana Menteri Malaysia, Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj di-khabarkan telah berkata bahawa Kerajaan Malaysia telah menghantarkan sa-orang Pegawai untuk menyiasat mengenai perkara tersebut.

Sa-panjang yang Kerajaan Brunei mengetahui, Kerajaan negeri ini tidak pernah menerima sa-barang Pegawai yang di-sebutkan itu datang ka-Brunei untuk menyiasat terhadap perkara yang terma'lom.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini sedang bertitah pada masa Baginda merasmikan pembukaan perjumpaan Wazir2, Chateria2 dan Menteri2 di-Istana Darul Hana baharu2 ini, Majlis itu di-pengurusikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha yang kelihatan duduk nombor tiga dari kiri dalam gambar ini.

## Siaran2 Baharu Radio Brunei Bahagian Melayu

BANDAR BRUNEI. — Perubahan siaran ranchangan Radio Brunei Bahagian Melayu mulai dari 1 Januari, 1964 ada-lah sa-perti di-bawah ini :

Siaran pertama: Dari pukul 6.30 pagi hingga ka-pukul 9 pagi.

Siaran ke-dua: Dari pukul 12.30 tengah hari hingga ka-pukul 2 petang.

Siaran ke-tiga: Dari pukul 6.30 petang hingga ka-pukul 9 malam.

Siaran akhir: Dari pukul 9 malam hingga ka-pukul 10.30

malam. Siaran ini hanya dapat di-dengari dalam riak gelombang sederhana 309 meter, ia-itu siaran untuk para pendengar dalam Daerah Brunei sahaja.

### MENDAPAT PINGAT M.B.E. DAN C. P. M.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah mengurniakan Pingat M.B.E, kepada Puan K. Jeffray dari Pejabat Menteri Besar, Brunei dan "Colonial Police Medal" kepada Inspector Metali bin Osman dari Pasokan Pulis Brunei dalam sinarai kurniaan Pingat2 Kehormatan bagi menyambut tahun 1964.



Persatuan Pakatan Putera Kampong Ayer, Brunei telah mempersembahkan satu pementasan derma bakti di-Pangpong Boon Pang Baharu, Bandar Brunei pada petang hari Ahad 22 Disember dengan memperolehi kejayaan. Dalam gambar ini kelihatan satu babak lakonan derama "Selingkar kesah di-Tasek Kaseh" yang telah di-persembahkan di-temasha tersebut.



Penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei telah mempersembahkan Malam Seni Budaya di-dewan Haktab S.O.A.S. baharu2 ini dengan mendapat sambutan yang baik. Dalam gambar ini kelihatan satu tarian Melayu Asli yang telah di-persembahkan di-temasha itu.